

SSMS U15 juara Liga Hoki Wanita

Oleh DESMOND QWEK

Ug 14.2.2017 A16
KOTAKINABALU: Pasukan Bawah 15 Tahun, Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS U15) menjuarai Liga Hoki Wanita Antara Institusi Pengajian Musim 2016/2017 yang berakhir Ahad.

Liga itu yang berlangsung setiap hujung minggu

melibatkan dua pusingan menyaksikan perlawanan Pusingan Pertama bermula 17 September hingga 30 Oktober melibatkan tiga Sirkit 1, 2 dan 3, sambil Pusingan Kedua pula bermula 18 Februari hingga 9 April melibatkan Sirkit 4, 5 dan 6.

Menerusi 17 perlawanan keseluruhannya, SSMS U15 mencatat 13 kemenangan,

tiga kali seri dan kalah sekali untuk mengumpul 42 mata, tujuh mata mengatasi naib johan Universiti Malaysia Sabah Adler yang mencatat 10 kemenangan, lima kali seri dan dua kali kalah untuk mengumpul 35 mata.

Tempat ketiga disandang

oleh pasukan SMK Tun Fuad Stephens Kiulu dengan empat kemenangan dua kali seri dan 11 kali kalah untuk mengumpul lapan mata, manakala Institut Perguruan Gaya (IPG) yang hanya menyertai liga itu pada Sirkit Ke-2 mencatat satu kali menang dan lapan kali kalah

untuk mengumpul tiga mata, menduduki tempat keempat.

Selain merangkul gelaran juara, kejayaan SSMS U15 juga dihiasi dengan kejayaan dua pemain pasukan itu menerima anugerah pemain.

Aina Ruzana Mohd Azlan dikalungkan sebagai Pemain Terbaik Liga, manakala Nurekhmah Najwa Sofian dikalungkan dengan Anugerah Penjaring Terbanyak Liga dengan jumlah 12 gol.

Anugerah Penjaga Gol Terbaik Liga dikalungkan kepada Siti Fitri Radin dari pasukan UMS Adler manakala Anugerah 'FairPlay' dikalungkan kepada pasukan IPG.



NUREKHMARAH Najwa Sofian (kanan) menerima Anugerah Penjaring Terbanyak Liga.



AINA Ruzana Mohd Azlan (kanan) menerima Anugerah Pemain Terbaik Liga.



SSMS U15 merai kejayaan mereka selepas menjuarai Liga Hoki Wanita Antara Institusi Pengajian Musim 2016/2017 pada Ahad.